

16 JUL 2003

MARIN-PERJANJIAN/I

YASMIN TECHNOLOGY METERAI PERJANJIAN DENGAN SYARIKAT UKRAINE

Oleh: Mohd Kamel Othman

ODESSA (Ukraine), 16 Julai (Bernama) -- Yasmin Technology Sdn Bhd, anak syarikat Knusford Bhd, menandatangani perjanjian kerjasama teknikal dengan syarikat Ukraine, UKRSPETSEXEXPORT, bagi kemudahan pemindahan teknologi dan mewujudkan aktiviti pengeluaran dan pemasaran bagi kapal maritim komersial dan angkatan tentera laut.

Di bawah perkongsian kerjasama teknikal itu yang ditandatangani pada Selasa, dua syarikat Ukraine, Progress dan Ukranian State Research & Design Shipbuilding Centre (SRDSC), telah bersetuju untuk bersama-sama menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan bagi reka bentuk dan penyelidikan maritim dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia.

Rakan kongsi usaha sama berkenaan juga akan menubuhkan Yasmin Marine Technology.

Majlis menandatangani perjanjian berkenaan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini dalam lawatan rasmi ke Ukraine, bermula Ahad lepas.

Knusford diwakili oleh pengarah urusannya, Datuk Lim Kang Hoo, dan Yasmin Technology oleh Rashid Ghani. Manakala Ukraine diwakili oleh Velery Shmarow.

Perjanjian itu bukan hanya tertumpu kepada teknologi ketenteraan yang sebelum ini dikuasai oleh Soviet Russia untuk berada di Malaysia, tetapi juga memberikan kerjasama teknikal bagi reka bentuk dan pengeluaran produk masa depan dalam negara dan untuk dipasarkan di seluruh dunia terutamanya di Asia Tenggara dan Asia Barat.

"Dengan perjanjian berkenaan, Malaysia kini akan memperoleh aset intelektual termasuk pengetahuan dan sumber yang sedia ada bagi terus memajukan industri perkapalan di samping mewujudkan pendapatan eksport baru bagi negara," kata Lim.

Beliau berkata keputusan UKRSPETSEXEXPORT untuk bekerjasama dengan Malaysia bagi industri berkemahiran tinggi itu menjelaskan keyakinan dan kepercayaannya bahawa negara memiliki sumber yang diperlukan serta tenaga kerja mahir.

"Kami bukan hanya dikehendaki membina bot-bot berkenaan tetapi perjanjian itu menekankan kepentingan produk akhir juga bersesuaian dengan standard contoh terbaik dunia," kata beliau.

"Kami percaya bahawa kepakaran kumpulan dalam peralatan mesin ringan dan berat bagi kerja-kerja pembangunan pembinaan dan infrastruktur, terutamanya dalam sektor minyak dan gas, marin dan perindustrian akan memberi kelebihan kepada rancangan kami."

Skim latihan profesional juga akan diadakan dalam kerjasama dengan universiti tempatan di mana pelajar dan penyelidik akan dapat mengkaji dan menjalankan penyelidikan dalam bidang-bidang saintifik serta teknikal pembinaan kapal.

Terdapat juga perancangan untuk mendirikan pusat pengedaran dan pemasaran bagi penjualan bot pembedil Falanga bagi pasaran dalam dan luar negara serta pusat jualan dan perkhidmatan bagi Superfoil, katamaran berkelajuan tinggi dengan 300 penumpang untuk tujuan persiaran.

Bagi pasaran domestik Malaysia, Yasmin Marine Technology telah mengenalpasti bakal pelanggan yang berhasrat untuk melengkapi kapal mereka dengan kalis peluru bagi meronda dan melindungi perairan dan persisiran pantai negara mereka daripada lanun, penyeludup dan menghalang kemasukan pendatang asing.

"Bot pembedil Falanga sesuai untuk menentang lanun di Selat Melaka, laluan perkapalan yang tersibuk di dunia," kata Lim.

"Kami menjangka terdapat permintaan yang tinggi bagi kapal sedemikian di rantau ini berikutan kemampuannya melindungi perairan dan warisan laut negara masing-masing. Ini juga akan meningkatkan keselamatan kapal yang melalui kawasan berkenaan dan mengurangkan kebimbangan pedagang menggunakan laluan laut rantau ini," kata beliau.

Terletak di Mykolayiv, yang merupakan pusat tradisional bagi pembinaan kapal di Selatan Ukraine selama 200 tahun, SRDSC ditubuhkan pada 1975 sebagai organisasi utama dalam reka bentuk kapal perang moden.

Ia merupakan organisasi saintifik-teknikal Ukraine yang khusus melaksanakan reka bentuk kapal perang dan kapal bantuan, sains pembinaan kapal dan perkhidmatan di semua bidang pembinaan kapal tentera laut.

Ia juga terlibat dalam kerjasama ketenteraan antarabangsa dan teknikal dengan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO), China, Poland dan Turki. -- BERNAMA

MKO MAD SHY NHD